



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1992

**PENYUSUNAN SEMULA MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN
BAGI PEKERJA-PEKERJA DALAM SEKTOR AWAM**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menjelaskan:
 - 1.1 Penyusunan semula Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) bagi pekerja-pekerja dalam sektor awam;
 - 1.2 Struktur MBK yang telah diubahsuai serta Perlembagaan Majlis-majlis berkenaan.

LATAR BELAKANG

2. Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan dan Gaji Pekerja-pekerja Sektor Awam telah mengkaji jentera perhubungan sektor awam yang terdapat pada masa ini sejajar dengan perkembangan-perkembangan semasa, khususnya pelaksanaan Sistem Saraan Baru yang berkuatkuasa pada 1 Januari 1992.
3. Sistem Saraan Baru ini telah membawa beberapa perubahan besar dalam struktur perkhidmatan awam. Perubahan yang paling ketara ialah pembahagian peringkat kumpulan perkhidmatan kepada 3 kumpulan sahaja, iaitu, Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional, dan Kumpulan Sokongan. Selaras dengan perubahan di atas, struktur lima MBK yang wujud sebelum Sistem Saraan Baru perlu diubahsuai supaya dapat memainkan peranannya dengan lebih berkesan.

MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN

4. Dengan penyusunan semula ini, lima MBK yang diwujudkan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1979 adalah dibubarkan dan digantikan dengan tiga MBK yang baru, iaitu:

- (i) MBK bagi pekerja-pekerja *Pengurusan dan Profesional*;
- (ii) MBK bagi pekerja-pekerja *Sains dan Teknologi dalam Kumpulan Sokongan*; dan
- (iii) MBK bagi pekerja-pekerja *Am dalam Kumpulan Sokongan*.

5. Peraturan penubuhan Majlis-majlis tersebut adalah tertakluk kepada Perlembagaan masing-masing seperti di *Lampiran-lampiran A, B dan C*, kepada Pekeliling ini.

6. Keahlian Majlis-majlis ini mengandungi dua pihak, iaitu, Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja. Pihak Pegawai adalah dilantik oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia atas jawatan masing-masing. Ahli-ahli Pihak Pekerja pula adalah dipilih di konvensyen dua tahun sekali oleh wakil-wakil Kesatuan dan Persatuan yang bergabung dengan MBK berkenaan.

7. Tempoh perkhidmatan ahli-ahli bagi ketiga-tiga Majlis adalah selama dua tahun bermula daripada tarikh satu-satu Majlis itu mengadakan mesyuaratnya yang pertama. Ahli-ahli tersebut boleh terus memegang jawatan sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dilantik/dipilih.

8. Ketiga-tiga MBK mempunyai bidang kuasa yang sama, iaitu, untuk:

- (a) memberi pendapat dan membincangkan prinsip-prinsip saraan, elaun, kemudahan dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja sektor awam. Perbincangan hendaklah menyentuh perkara-perkara am dan tidak perkara-perkara yang melibatkan pekerja individu; dan
- (b) membolehkan Pihak Pegawai mengemukakan sebarang cadangan perubahan atau makluman mengenai perkembangan-perkembangan baru untuk mendapat ulasan dan pandangan Pihak Pekerja sebelum dibawa untuk keputusan Kerajaan.

MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

9. Majlis Bersama Jabatan adalah dikekalkan di Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan dan di setiap pejabat cawangannya, di mana berkenaan, asalkan pejabat cawangan itu diketuai oleh seorang Ketua Pejabat yang bertanggungjawab di atas semua urusan pentadbiran, pengawasan kakitangan dan hal-hal kewangan. Pengecualian boleh diberi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, mengikut merit tiap-tiap kes, kepada mana-mana Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan yang memohon untuk menubuhkan sebuah Majlis Bersama Jabatan yang berbentuk lain daripada yang diuraikan di atas. Permohonan untuk mendapatkan pengecualian itu boleh dibuat oleh Ketua Jabatan atau Pihak Pekerja kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

10. Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan yang telah menubuhkan Majlis Bersama Jabatan lain daripada apa yang diuraikan di atas dan telah pun mendapat kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam, boleh meneruskan perjalanan Majlis Bersama Jabatannya seperti yang diamalkan.

11. Bagi Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan yang belum lagi menubuhkan Majlis Bersama Jabatan, Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat yang berkenaan hendaklah menubuhkannya dengan segera.

12. Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat cawangan di sesuatu Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan, di mana berkenaan, hendaklah memaklumkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam apabila mereka telah menubuhkan Majlis Bersama Jabatan di Jabatan atau pejabat masing-masing dan mengirимkan bersama Perlembagaan Majlis serta nama-nama ahli Jawatankuasa melalui saluran rasmi.

13. Sekiranya timbul perbezaan pendapat atau pertentangan di antara Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat Cawangan dengan Pihak Pekerja ketika Majlis Bersama Jabatan membincangkan apa-apa perkara yang ada kaitan dengan dasar Kerajaan, ataupun di mana Majlis Bersama Jabatan mengambil satu-satu keputusan yang melibatkan dasar-dasar Kerajaan, maka Ketua Jabatan yang berkenaan atau Ketua Pejabat Cawangan, melalui Ketua Jabatannya, hendaklah memaklulkannya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapatkan apa-apa keputusan ataupun arahan yang muktamad.

14. Contoh Perlembagaan Majlis Bersama Jabatan di *Lampiran D* hendaklah dipakai setelah diubahsuai untuk keperluan masing-masing. Perlembagaan Majlis hendaklah mendapat kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum dikuatkuasakan.

PEJABAT URUSETIA MBK

15. Pejabat Urusetia MBK yang diwujudkan bertujuan untuk memudahkan hubungan di antara Kerajaan dengan Pihak Pekerja dan amalan pinjaman/pertukaran sementara Pihak Pekerja di Pejabat Urusetia MBK adalah diteruskan tetapi dengan beberapa pengubahsuaian dari segi bilangan pegawai yang dipinjam/ditukar sementara dan juga peraturan-peraturan pinjaman/pertukaran sementara tersebut.

16. Bilangan pegawai yang dipinjam/ditukar sementara di Pejabat Urusetia MBK adalah 2 orang bagi MBK Pekerja-pekerja Pengurusan dan Profesional dan MBK Pekerja-pekerja Sains dan Teknologi dalam Kumpulan Sokongan dan 3 orang bagi MBK Pekerja-pekerja Am dalam Kumpulan Sokongan.

17. Peraturan mengenai pinjaman/pertukaran sementara adalah berdasarkan kepada peraturan pinjaman/pertukaran sementara sektor awam. Pencalonan dibuat oleh Pihak Pekerja untuk kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) setelah mendapat persetujuan Ketua Jabatan berkenaan. Tempoh pinjaman/pertukaran sementara adalah 2 tahun bagi setiap pinjaman/pertukaran sementara berkenaan. Perlanjutan tempoh pinjaman/pertukaran sementara boleh dipertimbang dan diluluskan dengan had maksimum 6 tahun sahaja.

18. Pemberian subsidi sewa pejabat, bil air, elektrik, sewa telefon dan alat tulis seperti yang ada sekarang adalah diganti dengan pemberian geran tahunan.

PEMANSUHAN

19. Pekeliling ini memansuhkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1979 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1989.

TARIKH KUATKUASA

20. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(~~TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB~~),
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

Tarikh: 16 Jun 1992

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia,
Kuala Lumpur.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

s.k.:

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun.

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.

**PERLEMBAGAAN MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-
PEKERJA PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

NAMA

1. Majlis adalah dikenali sebagai *Majlis Bersama Kebangsaan* bagi pekerja-pekerja *Pengurusan dan Profesional*.

TUJUAN

2. Tujuan penubuhan Majlis adalah untuk mengadakan satu badan bagi mewujudkan hubungan melalui perbincangan di antara pekerja-pekerja *Pengurusan dan Profesional* dengan Kerajaan.

BIDANG DAN FUNGSI

3. Bidang dan fungsi Majlis hendaklah tertumpu hanya kepada perkara-perkara yang termasuk dalam bidang kuasanya seperti berikut:

- (a) memberi pendapat dan membincangkan prinsip-prinsip saraan, elaun, kemudahan dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja sektor awam. Perbincangan hendaklah menyentuh perkara-perkara am dan tidak perkara-perkara yang melibatkan pekerja individu; dan
- (b) membolehkan Pihak Pegawai mengemukakan sebarang cadangan perubahan atau makluman mengenai perkembangan-perkembangan baru untuk mendapat ulasan dan pandangan Pihak Pekerja sebelum dibawa untuk keputusan Kerajaan.

KEAHLIAN

4. *Majlis Bersama Kebangsaan* bagi pekerja-pekerja *Pengurusan dan Profesional* adalah terdiri daripada 35 orang ahli yang mengandungi:

- (a) 15 orang Pihak Pegawai; dan
- (b) 20 orang Pihak Pekerja.

5. Ahli-ahli Pihak Pegawai terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang dilantik oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia atas jawatan masing-masing.

6. Ahli-ahli Pihak Pekerja pula hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang menjadi ahli Kesatuan-kesatuan Sekerja dan Persatuan-persatuan Kakitangan yang dipilih di Konvensyen dua tahun sekali oleh wakil-wakil Kesatuan dan Persatuan di dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

7. Konvensyen yang tersebut di dalam perkara 6 hendaklah dikelolakan oleh Pihak Pekerja berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang disediakan oleh Pihak Pekerja dan diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam selepas berunding dengan Kementerian Sumber Manusia.

8. Peraturan-peraturan yang dimaksudkan di dalam perkara 7 hendaklah, di antara lain, memperbekalkan:

- (i) tiap-tiap Kesatuan Sekerja dan Persatuan Kakitangan Kerajaan yang berdaftar dengan pihak Pendaftar yang berkenaan hendaklah dibenar menghantar seorang wakil ke konvensyen tersebut. (Persatuan Kakitangan yang dimaksudkan ialah Persatuan-persatuan yang ahli-ahlinya terdiri daripada pegawai-pegawai dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak dapat atau tidak boleh menubuh kesatuan-kesatuan sekerja disebabkan larangan undang-undang atau kepentingan perkhidmatan); dan
- (ii) tiap-tiap Kesatuan Sekerja dan Persatuan Kakitangan Kerajaan hendaklah dibenar menghantar seorang wakil bagi tiap-tiap 500 orang ahli yang pertama dan seorang wakil tambahan bagi setiap 500 orang ahli di atas bakinya. Ahli-ahli berkenaan adalah yang telah membayar yuran mengikut Laporan Tahunan yang lalu yang disiarkan oleh pihak Pendaftar yang berkenaan. Wakil-wakil tambahan ini akan dibenar mengambil bahagian dalam konvensyen tersebut hanya selepas menjelaskan pembayaran yang tertentu dan didaftar oleh pihak pengelola.

PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS

9. Pengerusi Majlis ialah *Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam*. Bagi mana-mana mesyuarat yang telah dipanggil tetapi tidak dapat dihadiri oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, tugas Pengerusi adalah diambilalih oleh *Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam*. *Naib Pengerusi* hendaklah terdiri daripada dan *dipilih oleh Pihak Pekerja* dan beliau juga merupakan *Pengerusi kepada Pihak Pekerja*.

10. Kedua-dua pihak dalam Majlis hendaklah melantik seorang daripada ahlinya untuk memenuhi jawatan *Setiausaha Bersama*.

MESYUARAT-MESYUARAT

11. Mesyuarat Majlis boleh diadakan pada bila-bila masa dengan dipanggil oleh Pengerusi, sekurang-kurangnya, *sekali setahun*.

12. Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha tersebut kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada *empat belas hari* sebelum tarikh mesyuarat.

13. Perkara-perkara yang tidak termasuk dalam agenda hanya boleh dimasuki dengan kebenaran Pengerusi dan persetujuan Naib Pengerusi.

14. Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan oleh mana-mana pihak tertakluk kepada persetujuan Pengerusi dan tarikh mesyuarat tersebut diumumkan oleh Setiausaha Pihak Pegawai.

15. Kuorum bagi mesyuarat Majlis hendaklah terdiri daripada 8 orang ahli Pihak Pegawai dan 10 orang ahli Pihak Pekerja.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA

16. Majlis boleh melantik Jawatankuasa-jawatankuasa terdiri daripada *ahli-ahli* atau *pegawai awam* lain yang mempunyai kelayakan atau pengalaman, atau kedua-duanya, untuk membantu Jawatankuasa menyempurnakan tugas yang diberikan kepadanya.

**PERLEMBAGAAN MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-
PEKERJA SAINS DAN TEKNOLOGI DALAM KUMPULAN SOKONGAN**

NAMA

1. Majlis adalah dikenali sebagai *Majlis Bersama Kebangsaan* bagi pekerja-pekerja *Sains dan Teknologi Dalam Kumpulan Sokongan*.

TUJUAN

2. Tujuan penubuhan Majlis adalah untuk mengadakan satu badan bagi mewujudkan hubungan melalui perbincangan di antara pekerja-pekerja *Sains dan Teknologi dalam Kumpulan Sokongan* dengan Kerajaan.

BIDANG DAN FUNGSI

3. Bidang dan fungsi Majlis hendaklah tertumpu hanya kepada perkara-perkara yang termasuk dalam bidang kuasanya seperti berikut:
 - (a) memberi pendapat dan membincangkan prinsip-prinsip saraan, elaun, kemudahan dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja sektor awam. Perbincangan hendaklah menyentuh perkara-perkara am dan tidak perkara-perkara yang melibatkan pekerja individu; dan
 - (b) membolehkan Pihak Pegawai mengemukakan sebarang cadangan perubahan atau maklumat mengenai perkembangan-perkembangan baru untuk mendapat ulasan dan pandangan Pihak Pekerja sebelum dibawa untuk keputusan Kerajaan.

KEAHLIAN

4. *Majlis Bersama Kebangsaan* bagi pekerja-pekerja *Sains dan Teknologi dalam Kumpulan Sokongan* adalah terdiri daripada 45 orang ahli yang mengandungi:
 - (a) 15 orang Pihak Pegawai; dan
 - (b) 30 orang Pihak Pekerja.
5. Ahli-ahli Pihak Pegawai terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang dilantik oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia atas jawatan masing-masing.
6. Ahli-ahli Pihak Pekerja pula hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang menjadi ahli Kesatuan-kesatuan Sekerja dan Persatuan-persatuan Kakitangan yang dipilih di Konvensyen dua tahun sekali oleh wakil-wakil Kesatuan dan Persatuan pekerja-pekerja *Sains dan Teknologi dalam Kumpulan Sokongan*.
7. Konvensyen yang tersebut di dalam perkara 6 hendaklah dikelolakan oleh Pihak Pekerja berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang disediakan oleh Pihak Pekerja dan diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam selepas berunding dengan Kementerian Sumber Manusia.

8. Peraturan-peraturan yang dimaksudkan di dalam perkara 7 hendaklah, di antara lain, memperbekalkan:

- (i) tiap-tiap Kesatuan Sekerja dan Persatuan Kakitangan Kerajaan yang berdaftar dengan pihak Pendaftar yang berkenaan hendaklah dibenar menghantar seorang wakil ke konvensyen tersebut. (Persatuan Kakitangan yang dimaksudkan ialah Persatuan-persatuan yang ahli-ahlinya terdiri daripada pegawai-pegawai dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak dapat atau tidak boleh menubuh kesatuan-kesatuan sekerja disebabkan larangan undang-undang atau kepentingan perkhidmatan); dan
- (ii) tiap-taip Kesatuan Sekerja dan Persatuan Kakitangan Kerajaan hendaklah dibenar menghantar seorang wakil bagi tiap-tiap 500 orang ahli yang pertama dan seorang wakil tambahan bagi setiap 500 orang ahli di atas bakinya. Ahli-ahli berkenaan adalah yang telah membayar yuran mengikut Laporan Tahunan yang lalu yang disiarkan oleh pihak Pendaftar yang berkenaan. Wakil-wakil tambahan ini akan dibenar mengambil bahagian dalam konvensyen tersebut hanya selepas menjelaskan pembayaran yang tertentu dan didaftar oleh pihak pengelola.

9. Bagi maksud Pekeliling ini, pegawai-pegawai Kerajaan di dalam Kumpulan Sokongan yang tergolong di bawah klasifikasi berikut adalah dianggap sebagai pekerja-pekerja Sains dan Teknologi, iaitu:

- (i) Pengangkutan
- (ii) Sains
- (iii) Sistem Maklumat
- (iv) Kejuruteraan
- (v) Penyelidikan dan Pembangunan
- (vi) Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir
- (vii) Perubatan dan Kesihatan

PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS

10. *Pengerusi Majlis* ialah *Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam*. Bagi mana-mana mesyuarat yang telah dipanggil tetapi tidak dapat dihadiri oleh *Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam*, tugas *Pengerusi* adalah diambilalih oleh *Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam*. *Naib Pengerusi* hendaklah terdiri daripada dan *dipilih oleh Pihak Pekerja* dan beliau juga merupakan *Pengerusi kepada Pihak Pekerja*.

11. Kedua-dua pihak dalam *Majlis* hendaklah melantik seorang daripada ahlinya untuk memenuhi jawatan *Setiausaha Bersama*.

MESUARAT-MESYUARAT

12. *Mesyuarat Majlis* boleh diadakan pada bila-bila masa dengan dipanggil oleh *Pengerusi*, sekurang-kurangnya, *sekali setahun*.

13. *Agenda* bagi mesyuarat-mesyuarat *Majlis* hendaklah disediakan oleh *Setiausaha Bersama* dan dihantar oleh *Setiausaha* tersebut kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada *empat belas hari* sebelum tarikh mesyuarat.

14. Perkara-perkara yang tidak termasuk dalam agenda hanya boleh dimasuki dengan kebenaran Pengerusi dan persetujuan Naib Pengerusi.
15. Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan oleh mana-mana pihak tertakluk kepada persetujuan Pengerusi dan tarikh mesyuarat tersebut diumumkan oleh Setiausaha Pihak Pegawai.
16. Kuorum bagi mesyuarat Majlis hendaklah terdiri daripada 8 orang ahli Pihak Pegawai dan 15 orang ahli Pihak Pekerja.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA

17. Majlis boleh melantik Jawatankuasa-jawatankuasa terdiri daripada *ahli-ahli* atau *pegawai awam* lain yang mempunyai kelayakan atau pengalaman, atau kedua-duanya, untuk membantu Jawatankuasa menyempurnakan tugas yang diberikan kepadanya.

PERLEMBAGAAN MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI
PEKERJA-PEKERJA AM DALAM KUMPULAN SOKONGAN

NAMA

1. Majlis adalah dikenali sebagai *Majlis Bersama Kebangsaan* bagi *pekerja-pekerja Am Dalam Kumpulan Sokongan*.

TUJUAN

2. Tujuan penubuhan Majlis adalah untuk mengadakan satu badan bagi mewujudkan hubungan melalui perbincangan di antara pekerja-pekerja *Am Dalam Kumpulan Sokongan* dengan Kerajaan.

BIDANG DAN FUNGSI

3. Bidang dan fungsi Majlis hendaklah tertumpu hanya kepada perkara-perkara yang termasuk dalam bidang kuasanya seperti berikut:

- (a) memberi pendapat dan membincangkan prinsip-prinsip saraan, elaun, kemudahan dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja sektor awam. Perbincangan hendaklah menyentuh perkara-perkara am dan tidak perkara-perkara yang melibatkan pekerja individu; dan
- (b) membolehkan Pihak Pegawai mengemukakan sebarang cadangan perubahan atau makluman mengenai perkembangan-perkembangan baru untuk mendapat ulasan dan pandangan Pihak Pekerja sebelum dibawa untuk keputusan Kerajaan.

KEAHLIAN

4. *Majlis Bersama Kebangsaan* bagi pekerja-pekerja *Am* adalah terdiri daripada 45 orang ahli yang mengandungi:

- (a) 15 orang Pihak Pegawai; dan
- (b) 30 orang Pihak Pekerja.

5. Ahli-ahli Pihak Pegawai terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang dilantik oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia atas jawatan masing-masing:

6. Ahli-ahli Pihak Pekerja pula hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang menjadi ahli Kesatuan-kesatuan Sekerja dan Persatuan-persatuan Kakitangan yang dipilih di Konvensyen dua tahun sekali oleh wakil-wakil Kesatuan dan Persatuan pekerja-pekerja *Am* dalam Kumpulan Sokongan.

7. Konvensyen yang tersebut di dalam perkara 6 hendaklah dikelolakan oleh Pihak Pekerja berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang disediakan oleh Pihak Pekerja dan diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam selepas berunding dengan Kementerian Sumber Manusia.

8. Peraturan-peraturan yang dimaksudkan di dalam perkara 7 hendaklah, di antara lain, memperbekalkan:

- (i) tiap-tiap Kesatuan Sekerja dan Persatuan Kakitangan Kerajaan yang berdaftar dengan pihak Pendaftar yang berkenaan hendaklah dibenar menghantar seorang wakil ke konvensyen tersebut. (Persatuan Kakitangan yang dimaksudkan ialah Persatuan-persatuan yang ahli-ahlinya terdiri daripada pegawai-pegawai dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak dapat atau tidak boleh menubuh kesatuan-kesatuan sekerja disebabkan larangan undang-undang atau kepentingan perkhidmatan); dan
- (ii) tiap-tiap Kesatuan Sekerja dan Persatuan Kakitangan Kerajaan hendaklah dibenar menghantar seorang wakil bagi tiap-tiap 500 orang ahli yang pertama dan seorang wakil tambahan bagi setiap 500 orang ahli di atas bakinya. Ahli-ahli berkenaan adalah yang telah membayar yuran mengikut Laporan Tahunan yang lalu yang disiarkan oleh pihak Pendaftar yang berkenaan. Wakil-wakil tambahan ini akan dibenar mengambil bahagian dalam konvensyen tersebut hanya selepas menjelaskan pembayaran yang tertentu dan didaftar oleh pihak pengelola.

9. Bagi maksud Pekeliling ini, pegawai-pegawai Kerajaan di dalam Kumpulan Sokongan yang tergolong di bawah klasifikasi berikut adalah dianggap sebagai pekerja-pekerja Am, iaitu:

- (i) Bakat dan Seni
- (ii) Pendidikan
- (iii) Ekonomi
- (iv) Pertanian
- (v) Keselamatan dan Pertahanan Awam
- (vi) Perundangan
- (vii) Pentadbiran dan Sokongan
- (viii) Sosial
- (ix) Kewangan

PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS

10. *Pengerusi Majlis* ialah *Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam*. Bagi mana-mana mesyuarat yang telah dipanggil tetapi tidak dapat dihadiri oleh *Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam*, tugas *Pengerusi* adalah diambilalih oleh *Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam*. *Naib Pengerusi* hendaklah terdiri daripada dan dipilih oleh *Pihak Pekerja* dan beliau juga merupakan *Pengerusi kepada Pihak Pekerja*.

11. Kedua-dua pihak dalam *Majlis* hendaklah melantik seorang daripada ahlinya untuk memenuhi jawatan *Setiausaha Bersama*.

MESYUARAT-MESYUARAT

12. Mesyuarat *Majlis* boleh diadakan pada bila-bila masa dengan dipanggil oleh *Pengerusi*, sekurang-kurangnya, *sekali setahun*.

13. Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha tersebut kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada *empat belas hari* sebelum tarikh mesyuarat.
14. Perkara-perkara yang tidak termasuk dalam agenda hanya boleh dimasuki dengan kebenaran Pengerusi dan persetujuan Naib Pengerusi.
15. Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan oleh mana-mana pihak tertakluk kepada persetujuan Pengerusi dan tarikh mesyuarat tersebut diumumkan oleh Setiausaha Pihak Pegawai.
16. Kuorum bagi mesyuarat Majlis hendaklah terdiri daripada 8 orang ahli Pihak Pegawai dan 15 orang ahli Pihak Pekerja.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA

17. Majlis boleh melantik Jawatankuasa-jawatankuasa terdiri daripada *ahli-ahli* atau *pegawai awam* lain yang mempunyai kelayakan atau pengalaman, atau kedua-duanya, untuk membantu Jawatankuasa menyempurnakan tugas yang diberikan kepadanya.

PERLEMBAGAAN UNTUK MAJLIS BERSAMA JABATAN BAGI

.....

KEAHLIAN

1. Majlis Bersama Jabatan Bagi(selepas ini disebut sebagai "Majlis") hendaklah mengandungiahli termasuk Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha-setiausaha yang terdiri daripada ahli yang dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat Cawangan/pihak bertanggungjawab Badan-badan Berkanun atau cawangannya/Kuasa-kuasa Tempatan..... (selepas ini disebut sebagai "Pihak Pegawai") dan..... ahli yang dipilih oleh Kesatuan Sekerja dan Persatuan-persatuan Kakitangan yang mewakili pekerja-pekerja di..... atau pekerja-pekerja itu sendiri (selepas ini disebut sebagai "Pihak Pekerja").

PIHAK PEGAWAI

2. Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai di mana Majlis Bersama Jabatan ditubuhkan di dalam Kementerian/Jabatan/Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan atau di dalam pejabat cawangannya seperti berikut:

- | | | |
|---|---|-------------------|
| (a) Ketua Setiausaha Kementerian/Timbangan Ketua Setiausaha Kementerian atau Ketua Jabatan/Ketua Pejabat Cawangan atau Pengurus Besar/Timbangan Pengurus Besar atau Timbalan Pengerusi atau Ketua Pegawai Pentadbir | — | <i>Pengerusi</i> |
| (b) Setiausaha Bahagian Perjawatan/Perkhidmatan atau Pegawai Kakitangan (Personnel Officer) | — | <i>Ahli</i> |
| (c) Pegawai yang bertanggungjawab mengenai Kewangan | — | <i>Ahli</i> |
| (d) Pegawai yang bertanggungjawab mengenai pentadbiran Jabatan/pejabat | — | <i>Setiausaha</i> |

Mereka ini hendaklah dilantik atas nama jawatan masing-masing.

PIHAK PEKERJA

3. Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pekerja-pekerja di mana Majlis Bersama Jabatan ditubuhkan di dalam Kementerian/Jabatan/Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan atau di dalam pejabat-pejabat cawangannya di mana berkenaan dan dilantik oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja dan Persatuan-persatuan Kakitangan yang berdaftar yang mewakili pekerja-pekerja tersebut (atau pekerja-pekerja sendiri). Peraturan bagi pemilihan ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah mengikut

peraturan-peraturan yang akan disediakan buat permulaan oleh satu Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Pihak Pekerja di mana Majlis Bersama akan ditubuhkan di dalam Kementerian/Jabatan/Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan atau di dalam pejabat-pejabat cawangannya. Peraturan hendaklah diluluskan oleh Ketua Jabatan/Pejabat Cawangan yang berkenaan.

4. Kekosongan yang berlaku di dalam keanggotaan Pihak Pekerja hendaklah dipenuhi oleh calon-calon daripada Kesatuan/Persatuan yang melantik wakil yang mengosongkan jawatan itu, atau pekerja-pekerja itu sendiri.

5. Ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah memegang jawatan selama tempoh 1 atau 2 tahun mulai daripada tarikh perantikan mereka dan mereka boleh terus memegang jawatan tersebut sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dilantik/dipilih.

PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS

6. Pegawai-pegawai Majlis adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha Bersama. Naib Pengerusi hendaklah terdiri daripada dan dipilih oleh Pihak Pekerja. Tiap-tiap pihak dalam Majlis hendaklah melantik seorang daripadanya untuk memenuhi jawatan Setiausaha Bersama.

TUJUAN

7. Tujuan Majlis adalah untuk memperolehi seluas-luas kerjasama yang menyeluruh di antara Kementerian/Jabatan/Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan dengan pegawai-pegawai yang bergaji di dalam Kementerian/Jabatan/Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kelicinan kerja dan kebajikan pekerja-pekerja yang berkenaan; untuk mengadakan jentera bagi menguruskan soal-soal mengenai syarat-syarat bekerja dan amnya untuk mengumpul berbagai buah fikiran daripada pekerja-pekerja dengan wakil-wakil rasmi Kementerian/Jabatan/Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

BIDANG DAN FUNGSI

8. Bidang dan fungsi Majlis hendaklah tertumpu hanya kepada perkara-perkara yang termasuk di dalam bidang kuasa Majlis yang mana adalah seperti berikut:

- (i) membincang dan memutuskan akan perkara-perkara mengenai syarat-syarat bekerja yang ada berkaitan dengan pentadbiran yang berkenaan kecuali semua perkara mengenai pekerja-pekerja perseorangan;
- (ii) membolehkan kakitangan mengambil bahagian dan lebih bertanggungjawab di atas perkara-perkara mengenai kerja-kerja mereka dan mematuhi syarat-syarat bawah mana tugas-tugas mereka dijalankan;
- (iii) menggalakkan kakitangan menerusi pengambilan bahagian dalam perbincangan-perbincangan untuk mendapat pengetahuan yang lebih lagi mengenai pentadbiran berbagai Jabatan; dan
- (iv) mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan dan organisasi pejabat serta peruntukan bagi menerima cadangan dan syor-syor dari kakitangan mengenai perkara ini.

MESYUARAT-MESYUARAT

9. Mesyuarat-mesyuarat biasa bagi Majlis hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.

10. Kuorum bagi mesyuarat Majlis hendaklah terdiri daripada.....
 ahli Pihak Pegawai dan.....
 ahli Pihak Pekerja.

11. Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha-setiausaha tersebut kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada 7 hari sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam agenda hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi.

12. Mesyuarat khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan Pengerusi atau Naib Pengerusi bila dikehendaki. Tarikh mesyuarat tersebut hendaklah dipersetujui oleh pegawai-pegawai Majlis. Perkara-perkara yang akan dibincangkan di mesyuarat tersebut hendaklah terhad kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam notis memanggil mesyuarat tersebut.

KEPUTUSAN

13. Segala keputusan-keputusan Majlis hendaklah dicapai secara persetujuan di antara kedua-dua belah pihak.

14. Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan Jabatan-jabatan lain dan tidak pula bertelingkah dengan dasar Kerajaan bolehlah diselenggarakan atau dilaksanakan terus oleh Kementerian/Jabatan/Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan atau Pejabat Cawangan di mana berkenaan. Bagi keputusan yang ada kaitan dengan dasar Kerajaan ataupun dengan Jabatan-jabatan lain ianya hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan.

PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN

15. Perlembagaan majlis boleh dipinda di mana-mana satu mesyuarat Majlis. Notis mengenai pindaan hendaklah diberi dan diedarkan kepada ahli-ahli Majlis sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh mesyuarat. Segala pindaan perlembagaan yang telah diluluskan oleh Majlis hendaklah dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk diluluskan.